



# KENYATAAN MEDIA

## SSM LANCAR INISIATIF PEMBEKALAN MAKLUMAT PEMUNYAAN BENEFISIAL, PERKUKUH KETELUSAN KORPORAT

**Kuala Lumpur, 28 Januari 2025** - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hari ini melancarkan kemudahan akses kepada maklumat pemunyaan benefisial melalui pengenalan inisiatif Pembekalan Maklumat Pemunyaan Benefisial selaras dengan Peraturan-Peraturan Syarikat (Akses Kepada Daftar dan Maklumat Yang Berhubungan Pemunyaan Benefisial) 2025 yang mula berkuatkuasa pada 10 Januari 2025.

Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan maklumat pemunyaan benefisial syarikat-syarikat di Malaysia yang tepat dan terkini, sekaligus memperkuuhkan ketelusan korporat. Ia juga menjadi langkah penting dalam memerangi aktiviti seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai.

Di bawah Seksyen 56 Akta Syarikat 2016, syarikat-syarikat diwajibkan untuk mendapatkan, merekodkan dan melaporkan maklumat pemunyaan benefisial kepada Pendaftar. Penambahbaikan melalui Penggal 8A Akta Syarikat 2016, yang mula dikuatkuasakan pada 1 April 2024, menyediakan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang lebih menyeluruh. Ia memperjelaskan kewajipan syarikat untuk mendapatkan, mengenal pasti, mengesahkan, merekodkan serta menyelenggara maklumat pemunyaan benefisial dalam daftar pemunyaan benefisial.

SSM telah mewajibkan serah simpan maklumat pemunyaan benefisial bermula 1 April 2024. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 602,105

daripada 691,690 syarikat aktif dalam daftar SSM telah mematuhi keperluan untuk mengemukakan maklumat pemunyaan benefisial dengan kadar pematuhan sebanyak 87.05%.

Pengenalan Pembekalan Maklumat Pemunyaan Benefisial dapat memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan, termasuk agensi-agensi penguat kuasa yang disenaraikan di bawah Seksyen 3(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613], institusi-institusi pelapor yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di bawah Jadual Pertama Akta yang sama serta Kementerian Kewangan Malaysia yang melaksanakan fungsi perolehan kerajaan.

Antara maklumat yang boleh diperoleh melalui inisiatif ini merangkumi nama pemunya benefisial, tarikh pelantikan sebagai pemunya benefisial, kategori pemunya benefisial serta status syarikat.

Pembekalan maklumat pemunyaan benefisial kini ditawarkan pada peringkat awal melalui kaunter di ibu pejabat SSM di Menara SSM@Sentral. Perkhidmatan ini akan diperluaskan secara dalam talian dan tarikh pelaksanaannya akan diumumkan kelak.

Bagi tujuan pembelian maklumat pemunyaan benefisial, pemohon perlu mendaftar sebagai pengguna dan mengesahkan pendaftaran melalui portal SSM4U di pautan [www.ssm4u.com.my](http://www.ssm4u.com.my). Pengguna sedia ada portal SSM4U yang telah disahkan tidak perlu melalui proses pendaftaran semula.

Seterusnya, pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Maklumat Pemunyaan Benefisial dan menyerahkannya di kaunter SSM untuk tindakan

Ianjut. Fi bagi setiap permohonan adalah sebanyak RM20 secara tunai bagi setiap syarikat. Maklumat pemunyaan benefisial akan dibekalkan kepada pemohon dalam format PDF melalui e-mel dalam tempoh tiga hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima. Setiap permohonan untuk mendapatkan maklumat pemunyaan benefisial pihak ketiga, perlu disertakan dengan surat kebenaran bertulis daripada organisasi atau institusi berkaitan bagi membolehkan pembekalan maklumat tersebut.

Maklumat terperinci mengenai tatacara pembelian, panduan berkaitan serta Borang Permohonan Maklumat Pemunyaan Benefisial boleh dimuat turun melalui portal rasmi SSM, [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan & Maklum Balas, SSM Chatbot, Live Chat SSM di portal rasmi SSM, talian 03-7721 4000, atau e-mel [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).

**DIKELUARKAN OLEH: SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
TARIKH: 28 JANUARI 2025**